



مجلس بندياري قتالينج جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (32)

Tarikh: 10 Mei 2025

MBPJ RAIKAN MEDIA DALAM KEJOHANAN TENPIN BOLING BERSAMA MEDIA 2025

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pengamal media atas sokongan berterusan dalam menyalurkan maklumat dan mempromosikan perkhidmatan serta inisiatif Majlis kepada warga Petaling Jaya. Sebagai simbol penghargaan tersebut, MBPJ telah menganjurkan Kejohanan Tenpin Boling MBPJ Bersama Media 2025 yang berlangsung di Sunway Megalanes, Sunway Pyramid hari ini.

YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya, dalam ucapannya menegaskan bahawa media massa sama ada tradisional, digital mahupun media sosial merupakan tulang belakang yang menyokong usaha MBPJ menyampaikan maklumat secara telus, tepat dan berkesan kepada masyarakat.

“Hubungan strategik dan kerjasama erat bersama pengamal media bukan sahaja meningkatkan keyakinan rakyat terhadap Majlis, malah memperluas pemahaman masyarakat mengenai peranan MBPJ dalam aspek kelestarian, keselamatan, penjagaan alam sekitar serta pembangunan bandar yang mampan. Media adalah jambatan komunikasi yang penting dalam memperkukuh hubungan antara pihak berkuasa tempatan dan komuniti setempat,” katanya.

Tambah beliau, dalam era digital yang serba pantas dan terbuka kepada pelbagai bentuk maklumat, peranan media profesional amat signifikan dalam memastikan penyebaran berita yang sahih, bertanggungjawab dan beretika – sejajar dengan usaha MBPJ membina bandar raya yang progresif dan bermaklumat.

Kejohanan dua pusingan ini menyaksikan penyertaan yang menggalakkan daripada 48 pasukan, melibatkan 28 pasukan daripada pelbagai agensi media dan 20 pasukan mewakili warga kerja MBPJ. Acara ini bukan sahaja dapat memupuk semangat kesukanan, malah menjadi platform untuk mengeratkan hubungan dan kerjasama strategik antara MBPJ dan rakan-rakan media.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Penganjuran kejohanan ini juga sempena Sambutan Ulang Tahun Bandaraya Petaling Jaya ke-19 yang akan disambut pada 20 Jun 2025 nanti. Sepanjang bulan Jun, sebanyak 30 program dan aktiviti telah disusun meliputi jualan dan pameran, pelbagai pertandingan serta kejohanan, sumbangan komuniti, penyediaan perkhidmatan percuma serta majlis perasmian rasmi.

Terdahulu, pada 24 Februari 2025, MBPJ turut mengadakan Majlis Anugerah MBPJ 2025 sebagai satu lagi platform penghargaan, yang menyaksikan seramai 12 pengamal media telah menerima anugerah atas sumbangan cemerlang mereka dalam membantu Majlis menyampaikan maklumat tepat, membina persepsi positif serta memperkukuh hubungan antara MBPJ dan masyarakat.

MBPJ yakin menerusi penganjuran program seperti ini akan terus memberi inspirasi kepada pengamal media untuk terus menghasilkan laporan yang berkualiti tinggi, bukan sahaja dalam menampilkan kemajuan pembangunan bandar raya, tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan dan kemakmuran penduduk Petaling Jaya secara menyeluruh.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil,
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (33)

Tarikh: 11 Mei 2025

MBPJ SELANGOR TRAIL ENDURANCE SERIES – SIRI 1: KOTA DAMANSARA BUKA TIRAI LARIAN DENAI 2025

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan kerjasama strategik All-Trail Projects (ATP) membuka tirai Selangor Trail Endurance Series 2025 dengan penganjuran siri pertama yang berlangsung meriah di Taman Rimba Riang, Kota Damansara. Program sukan lasak berkonsepkan larian denai ini menghimpunkan ratusan pelari tempatan dan antarabangsa sekali gus memperkukuh peranan Petaling Jaya sebagai destinasi ekopelancongan dan rekreasi bertaraf dunia.

Program yang berlangsung dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari ini menyaksikan dua kategori utama iaitu *5 Hours Endurance* dan *Fast Trail*, dengan jarak laluan sekitar 11 kilometer dan *elevation gain* 300 meter merentasi laluan mencabar termasuk Taman Eko Rimba Kota Damansara. Kategori *5 Hours Endurance* menguji ketahanan fizikal peserta untuk melengkapkan sekurang-kurangnya dua pusingan dalam masa lima jam, manakala kategori *Fast Trail* menekankan kepantasan masa dengan tiga pelari lelaki dan wanita terpantas meraih tempat di podium.

Program anjuran Jabatan Landskap MBPJ ini merupakan kesinambungan kepada kejayaan Trail Endurance Series Finale 2024 di Hutan Pendidikan Bukit Gasing tahun lalu. Program ini kini menjadi acara tahunan berimpak tinggi sempena Tahun Melawat Selangor 2025 dengan siri seterusnya dijadualkan di Taman Jaya dan Hutan Pendidikan Bukit Gasing pada Ogos 2025 sebelum kemuncak finale di Taman Eko Rimba Kanching pada November 2025.

YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya, dalam ucapan perasmian menegaskan bahawa kesihatan adalah asas utama kepada pencapaian sebuah komuniti yang bahagia dan sejahtera selari dengan status Petaling Jaya sebagai Bandar Paling Bahagia. Beliau menyifatkan penganjuran program ini sebagai platform yang penting untuk memperkukuh budaya hidup sihat dalam kalangan warga Petaling Jaya sekali gus meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya pemuliharaan alam semula jadi.

“Kesejahteraan komuniti bukan hanya bergantung kepada pembangunan fizikal, tetapi juga perlu seiring dengan keseimbangan dalam aspek kesihatan, gaya hidup yang aktif dan kesejahteraan mental rakyatnya. Hanya dengan pendekatan holistik yang merangkumi semua aspek ini, kita dapat memastikan kehidupan yang sejahtera dan memberi impak positif kepada masyarakat secara keseluruhannya,” katanya.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil

Pelbagai aktiviti turut diadakan bagi menarik minat pengunjung seperti senaman zumba dan *pound*, pemeriksaan kesihatan percuma, pameran kesedaran alam sekitar serta demonstrasi makanan sihat “From Seed to Table” hasil kerjasama bersama M.A.E Aquaponics. Beberapa jabatan dalaman MBPJ turut membuka reruai interaktif, menjadikan program ini sebagai platform libat urus komuniti yang menyeluruh.

Kehadiran peserta dari negara luar seperti Great Britain, Perancis, China, Indonesia dan Singapura membuktikan potensi penganjuran ini dalam meletakkan Petaling Jaya di pentas antarabangsa. Selain memperkenalkan keindahan denai hutan tropika di Selangor, program ini juga diyakini dapat merangsang ekonomi komuniti setempat melalui penyertaan peniaga kecil dan pengusaha inap desa.

MBPJ percaya bahawa Selangor Trail Endurance Series bukan sekadar acara sukan semata-mata, tetapi pemangkin kepada gaya hidup lestari, pengukuhan perpaduan komuniti serta mempromosi ekopelancongan yang mampan di Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتالغ جايا
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (34)

Tarikh: 27 Mei 2025

MBPJ, STA TERUS GILAP BAKAT BINTANG MUDA DALAM KEJOHANAN TENIS REMAJA TERBUKA MBPJ-MILO KE-35

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan kerjasama Persatuan Tennis Selangor (STA) akan menganjurkan **Kejohanan Tennis Remaja Terbuka MBPJ-MILO Kali Ke-35 Tahun 2025** yang dijadualkan berlangsung dari **2 hingga 6 Jun 2025** bertempat di tiga lokasi iaitu **Kompleks Sukan MBPJ Kelana Jaya, SS 3/14, Kelana Jaya dan Kompleks Sukan Astaka, Petaling Jaya**.

Memasuki edisi ke-35, kejohanan berprestij ini terus mendapat sambutan menggalakkan dengan penyertaan seramai **297 peserta** dari seluruh negeri. Selangor mencatat penyertaan tertinggi dengan 101 peserta, diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 93 peserta dan Negeri Sembilan dengan 28 peserta.

Kejohanan ini terus mendapat pengiktirafan daripada **Persatuan Tennis Malaysia (LTAM)** sebagai **kejohanan bertaraf ranking remaja kebangsaan**. Semua pemain yang bertanding berpeluang **mengumpul mata ranking rasmi LTAM** sekali gus membuka laluan ke peringkat yang lebih tinggi dalam arena tenis negara.

Tiga kategori utama akan dipertandingkan iaitu **Perseorangan, Beregu Remaja Lelaki dan Beregu Remaja Perempuan**, meliputi lima kategori umur:

- i. 8 Tahun ke Bawah (Mini Tennis)
- ii. 10 Tahun ke Bawah
- iii. 12 Tahun ke Bawah
- iv. 14 Tahun ke Bawah
- v. 16 Tahun ke Bawah

Penganjuran ini merupakan sebahagian daripada inisiatif pembangunan sukan tenis akar umbi MBPJ yang telah dilaksanakan sejak tahun 1990. Objektif utama adalah untuk mencungkil bakat baharu dan melahirkan lebih ramai pemain muda berpotensi tinggi dalam sukan tenis tanah air.

Kejohanan ini turut dijayakan dengan **penajaan** daripada **Nestle Products Sdn. Bhd. (Milo), F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd** serta mendapat **sokongan** daripada **Persatuan Lawn Tennis Malaysia (LTAM), Persatuan Tennis Selangor dan Majlis Sukan Negeri Selangor**. Pemenang bakal membawa pulang trofi kejuaraan, medal, barangan eksklusif MILO serta sijil penyertaan sebagai tanda pengiktirafan atas pencapaian mereka.



MBPJ mengalu-alukan orang ramai untuk hadir menyaksikan kejohanan ini dan memberi sokongan kepada para pemain muda yang bakal menjadi bintang harapan negara pada masa akan datang.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (35)

Tarikh: 31 Mei 2025

MBPJ LAKSANA OPERASI MENEMBAK GAGAK 2025 TANGANI KACAU GANGGU AWAM

Burung gagak mungkin bersaiz kecil namun impaknya besar kepada kualiti hidup di bandar. Inilah hakikat yang dihadapi oleh warga Petaling Jaya apabila peningkatan populasi burung gagak mencetuskan pelbagai isu kacau ganggu awam. Antara kesan yang ketara termasuklah pencemaran bunyi, najis yang mengganggu kebersihan dan kesihatan awam serta kerosakan harta benda awam disebabkan kandungan asid dalam najis burung tersebut.

Sebagai langkah tegas dan proaktif, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) melaksanakan **Operasi Menembak Gagak** sebagai salah satu inisiatif berterusan pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam menangani aduan berulang berkaitan kacau ganggu awam akibat populasi burung gagak khususnya di lokasi-lokasi yang dikenal pasti sebagai kawasan 'hotspot'.

Sebanyak **27 lokasi 'hotspot'** telah dikenal pasti menjadi tempat burung gagak bersarang dan membiak. Daripada jumlah tersebut, **empat (4) kawasan mencatatkan aduan berulang iaitu di sekitar Seksyen 14, sekitar Kawasan Komersial SS 2, sekitar PJS dan sekitar Kawasan Komersial SS 23.**

Kesemua kawasan operasi ini telah mendapat **kelulusan rasmi daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM)**. Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan agar sentiasa berwaspada, mengikut nasihat anggota penguat kuasa MBPJ serta menjaga jarak selamat di lokasi-lokasi yang terlibat sepanjang operasi dijalankan.

Operasi yang bermula seawal **7.30 pagi hingga 7.00 malam** ini melibatkan penyertaan seramai **40 penembak terlatih**. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh **YBrs. Tuan Aznan bin Haji Hassan, Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya** yang turut menyempurnakan pelepasan rasmi pasukan penembak di perkarangan Ibu Pejabat MBPJ hari ini.

Mengikut rekod pada tahun **2020 hingga April 2025**, sebanyak **194 aduan** berkaitan kacau ganggu burung gagak telah diterima oleh Majlis. **Pada tahun 2020 dan 2021 (31 aduan), tahun 2022 (49 aduan) dan tahun 2023 (48) dan 2024 hingga April 2025 sebanyak 8 aduan telah direkodkan.**

Sebelum ini, Majlis telah melaksanakan pelbagai kaedah kawalan seperti memusnahkan sarang burung gagak secara berkala dua kali sebulan dan memasang perangkap, namun peningkatan populasi burung ini memerlukan pendekatan yang lebih agresif, berfokus dan bersasar.

MBPJ menegaskan bahawa operasi ini akan dilaksanakan secara berkala berdasarkan keperluan semasa. Pihak Majlis juga menggalakkan kerjasama komuniti khususnya dalam aspek pengurusan sisa makanan secara lebih bertanggungjawab termasuk tidak membuang sisa secara terbuka yang boleh menarik kehadiran burung gagak ke kawasan kediaman dan komersial.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media

Unit Komunikasi Korporat,

Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695